# HUBUNGAN NILAI KERJA DENGAN TRAIT PERSONALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KELANTAN

MOHD AZIZ MOHD DIN

DOKTOR FALSAFAH
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA

2003

PDF processed with CutePDF evaluation edition www.CutePDF.com

1100067354

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

tesis
LB 1805 .M6 2003

1100067354
Hubungan nilai kerja dengan trait personaliti guru sekolah rendah di Negeri Kelantan / Mohd Aziz Mohd Din.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100067354

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

# HUBUNGAN NILAI KERJA DENGAN TRAIT PERSONALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KELANTAN

MOHD AZIZ MOHD DIN

**Tesis yang dikemukakan sebagai memenuhi**
**syarat bagi penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah**
**di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
**Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia**

**Oktober 2003**

1100067354

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia bagi memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan ijazah Doktor Falsafah.

## HUBUNGAN NILAI KERJA DENGAN TRAIT PERSONALITI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KELANTAN

**MOHD AZIZ BIN MOHD DIN**

**Oktober 2003**

**Pengerusi : Prof. Madya Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D.**
**Wan Ibrahin Wan Ahmad, Ph.D.**

**Fakulti : Pengurusan Dan Ekonomi**

Dalam usaha memodenkan sistem pendidikan hari ini, langkah-langkah memperbanyakkan kemudahan prasarana pendidikan, mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif dan mengemaskini kurikulum pendidikan masih belum mencukupi selagi faktor guru tidak diberi perhatian. Faktor-faktor seperti nilai kerja dan trait personaliti merupakan dua elemen utama yang menentukan kejayaan seseorang guru dalam melaksanakan tugas-tugas mereka selain ilmu pengetahuan dan kemahiran keguruan. Oleh itu kajian ini yang dijalankan ke atas guru-guru sekolah rendah di negeri Kelantan adalah bertujuan untuk menentukan perkaitan antara ciri latar belakang terpilih guru-guru dan juga nilai kerja dengan trait-trait personaliti mereka. Seramai 438 warga guru daripada 11,563 orang guru yang bertugas di seluruh sekolah rendah negeri Kelantan telah dipilih menggunakan kaedah rawak berlapis dan rawak mudah sebagai responden kajian. Data tentang dua belas jenis nilai kerja dan empat jenis personaliti dikumpul

menggunakan kaedah soal selidik berstruktur. Data dianalisis menggunakan teknik-teknik korelasi Pearson dan *Point Biserial* serta teknik regresi linear berganda.

Kajian mendapati lima nilai kerja utama bagi guru-guru adalah keselamatan ekonomi, perkembangan diri, ganjaran ekonomi, keselamatan pekerjaan dan altruisma. Analisis menunjukkan nilai kerja adalah berbeza mengikut jantina, status perkahwinan, pengalaman, lokasi sekolah, kelulusan dan pendapatan guru-guru. Analisis juga mendapati majoriti guru adalah berpersonaliti *sanguine*, diikuti dengan *choleric*, *phlegmatic* dan *melancholic*. Walau bagaimanapun, tahap keseluruhan trait personaliti berada pada tahap sederhana.

Tahap personaliti *choleric* dan *melancholic* menurun dengan betambahnya pengalaman, kelulusan dan perubahan status guru daripada bujang kepada berkahwin. Personaliti *sanguine*, *choleric*, *phlegmatic* dan *melancholic* berbeza daripada seorang guru dengan seorang guru yang lain disebabkan oleh pengalaman mengajar, manakala personaliti *sanguine*, *choleric* dan *melancholic* berbeza berdasarkan kepada pendapatan guru. Personaliti *choleric* dan *phlegmatic* pula berbeza mengikut status guru-guru.

Hasil analisis regresi menunjukkan ciri-ciri sosial demografi dan nilai kerja guru menyumbang secara signifikan ke atas personaliti mereka dan sumbangan ini berbeza mengikut profil guru. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, kajian mendapati nilai kerja adalah faktor penyumbang kepada personaliti guru.

Peratus sumbangan ini bertambah dengan meningkatnya pengalaman, pendapatan dan kelulusan guru-guru di kawasan kajian.